

Perpindahan kontroversi bintang dunia

Susunan MOHD. FITRIE MUHAMAD

TIDAK kira pertandingan mana sekalipun, setiap kali berakhirnya saingan tumpuan peminat pasti akan beralih arah kepada aktiviti perpindahan pemain.

Sepanjang sesi perpindahan, peminat sering dihidangkan dengan pelbagai cerita dan menimbulkan banyak khabar angin mengaitkan seseorang pemain dengan kelab tertentu.

Sepanjang sesi kali ini, nama Erling Haaland, Darwin Nunez, Sadio Mane, Mohamed Salah dan Gabriel Jesus sering menjadi bahan berita sensasi hinggalah kesemuanya menoktahkan masa dengan masing-

masing dalam pasaran perpindahan, sejarah pernah membuktikan berlaku penghijrahan kontroversi apabila ada pemain mengambil keputusan menyertai kelab pencabar.

Ruangan *Fakta Sukan Kosmo!* hari ini menyenaraikan lapan transaksi perpindahan bintang dunia yang pernah mencetuskan kemarahan peminat kerana menyertai kelab musuh tradisi.

LUIS FIGO

Nama: Luis Filipe Madeira Caeiro Figo

Tarikh lahir: 4 November 1972

Asal: Almada, Portugal

Posisi: Tengah

Perpindahan: Barcelona ke Real Madrid



depan masing-masing
Di sebalik kemeria-

FAKTA SUKAN

Bintang dari Portugal ini mencipta cerita sensasi sepanjang kariernya dan penyokong Barcelona jelas berang dengan tindakan itu hingga ada yang melabelnya sebagai pengkhianat. Malah, dia menjadi pemain tunggal yang dibaling kepala khinzir ketika turun beraksi dengan Real di Camp Nou.

MICHAEL OWEN

Nama: Michael James Owen
Tarikh lahir: 14 Disember 1979
Asal: Chester, England
Posisi: Penyerang
Perpindahan: Liverpool – Real Madrid – Newcastle United - Manchester United

Walaupun tidak berhijrah ke Old Trafford secara langsung tetapi keputusan penyerang ini menyertai Manchester United nyata tidak disenangi penyokong Liverpool dan tidak hairanlah namanya langsung tidak pernah diingati sebagai seorang legenda di Anfield.

ERIC CANTONA

Nama: Eric Daniel Pierre Cantona
Tarikh lahir: 24 Mei 1966
Asal: Marseille, Perancis
Posisi: Penyerang
Perpindahan: Leeds United ke Manchester United

Leeds dan Manchester tidak pernah mempunyai hubungan baik sehingga ke hari ini. Jika ada mana-mana pemain berhijrah ke salah satu pasukan ini, ia dianggap berdosa besar, namun tanggal 26 November 1992, Eric Cantona menoktahkan namanya sebagai bintang *The Red Devils*.

FERNANDO TORRES

Nama: Fernando Jose Torres Sanz
Tarikh lahir: 20 Mac 1984
Asal: Fuenlabrada, Sepanyol
Posisi: Penyerang
Perpindahan: Liverpool ke Chelsea

Penghijrahan bintang Sepanyol ini ke Chelsea menikam peminat Liverpool yang terpaksa melupakan khidmat penyerang berkelas dunia. Tindakannya jelas tidak membuahkan hasil apabila dia berdepan detik sukar sepanjang karier di Stamford Bridge walaupun memenangi pelbagai gelaran seperti Liga Juara-Juara, Liga Europa dan Piala FA.





ROBIN VAN PERSIE

Nama: Robin van Persie
Tarikh lahir: 6 Ogos 1983
Asal: Rotterdam, Belanda
Posisi: Penyerang
Perpindahan: Arsenal ke Manchester United

Pengumuman Arsenal tentang keputusan untuk menjual pemain ini kepada *The Red Devils* mengundang kemarahan penyokong *The Gunners* sehingga membakar jersi Van Persie. Ada sebahagian peminat turut melabelnya sebagai pengkhianat dan seorang pemain yang tidak boleh dipercayai.




ANDREA PIRLO

Nama: Andrea Pirlo
Tarikh lahir: 19 Mei 1979
Asal: Flero, Itali
Posisi: Tengah
Perpindahan: AC Milan ke Juventus

Perpindahan Zlatan Ibrahimovic, Mario Balotelli dan Gianluca Zambrotta ke pasukan seteru mungkin tidak mencetuskan impak besar, namun sebaliknya berlaku ketika penghijrahan Pirlo. Begitupun, keputusannya untuk menyertai Juventus merupakan tindakan tepat apabila pemain tengah ini berjaya menjulang empat trofi Serie A dan meraih tiga anugerah individu sebagai Pemain Terbaik Serie A.





ROBERT LEWANDOWSKI

Nama: Robert Lewandowski
Tarikh lahir: 21 Ogos 1988
Asal: Warsaw, Poland
Posisi: Penyerang
Perpindahan: Borussia Dortmund ke Bayern Munich

Setahun selepas memacu Dortmund ke final Liga Juara-Juara 2013, Bayern tidak menunggu lama apabila pantas memanfaatkan perjanjian prakontrak dengan bintang dari Poland ini. Untungnya Bayern berjaya mendapatkan Lewandowski secara percuma dan terus menikmati detik indah sepanjang khidmatnya di Allianz Arena.

GONZALO HIGUAIN

Nama: Gonzalo Gerardo Higuain
Tarikh lahir: 10 Disember 1987
Asal: Brest, Perancis
Posisi: Penyerang
Perpindahan: Napoli ke Juventus

Perpindahan ke Juventus menyaksikan penyokong Napoli membuang jersi dan mengoyakkan papan iklan tertera gambar Higuain. Bukan itu sahaja, ada sesetengah restoran juga sanggup menawarkan potongan harga kepada pelanggan sekiranya pemain ini mengalami kecederaan.